



Watsons kumpul RM43,915 bantu kanak-kanak alami rekahan bibir

BUKIT BINTANG: Watsons Personal Care Stores Sdn Bhd (Watsons) berjaya mengumpul RM43,915.50 pada kempen enam minggunya 'Give a Gift of Smile', yang bertujuan membantu Persatuan Kebajikan Ronald McDonalds Malaysia (RMHC) mengembalikan senyuman kepada kanak-kanak yang dilahirkan dengan rekahan (sumbing) bibir dan lelangit.

Pengurus Besar Watsons Malaysia, Kulvinder Birring, berkata acara yang dimulakan sejak November tahun lalu bagi membantu kempen RMHC, Gift of Life itu, bukan setakat memberi peluang kepada pihaknya memainkan peranan aktif dalam pembangunan komuniti serta negara, malah pada masa sama membuka kesempatan kepada pelanggan setianya membuat perkara sama.

"Kami memilih menyumbangkan bantuan kewangan kepada kanak-kanak ini bagi membolehkan mereka tersenyum semula, selain berpeluang menjalani kehidupan lebih baik pada masa depan.

"Melalui kempen ini, pelanggan kami hanya perlu membuat pembelian minimum RM10 sebelum layak mendapatkan patung eksklusif Winnie The Pooh berharga RM9.90. Bagi setiap unit patung yang dijual, Watsons menderma 50 sen kepada kempen Gift of Life oleh RMHC.

"Apa yang membanggakan, penganjuran kempen ini berjalan sangat lancar dan



PENGURUS Kanan Pemasaran Watson, Faiz Shah (kiri), Pengarah Merchandise Watsons, Caryn Loh (dua dari kiri) bersama peserta "Share a Smile Contest" dan Kulvinder (kanan).

Watsons gembira berupaya mengumpul begitu banyak wang dalam tempoh singkat, sedangkan sasaran awal sekadar RM40,000 saja," katanya pada majlis penyampaian cek kepada Presiden RMHC, Chan Chee Chin di McDonalds Sungei Wang.

Selain pelanggan setianya, Kulvinder turut menyatakan setinggi penghargaan kepada pendahulu dalam bidang telekomunikasi, Maxis dan Hotlink yang membantu merealisasikan kejayaan kempen ini.

Sementara itu, Chan berka-

ta, sebagai sebuah pertubuhan kebajikan yang mengharapkan sumbangan orang awam dan pihak korporat, RMHC berasa sangat berbesar hati apabila Watsons sudi membantu pertubuhan itu.

"Oleh kerana kos pembedahan ini biasanya membatik perbelanjaan tinggi sehingga RM5,000, RMHC menjangka boleh menampung kos bagi lapan kanak-kanak yang mengalami kecacatan sumbing bibir dan lelangit dengan wang dikumpul Watsons melalui kempen berkenaan.

"Apa yang lebih penting, ibu bapa berpendapatan bawah RM2,000 dan tidak mampu menanggung perbelanjaan pembedahan anak yang mengalami kecacatan sumbing bibir dan lelangit, RMHC akan berusaha membantu mereka," katanya.

Chee memaklumkan, sejak program ini dimulakan pada 2003, RMHC berjaya membantu memulihkan senyuman 300 kanak-kanak melalui pembedahan pembetulan berkenaan dan berharap dapat membantu lebih ramai lagi pada masa depan.



KULVINDER (dua dari kanan) menyerahkan replika cek kepada Chan (dua dari kiri).